

# 'Hentikan kerakusan rejim Zionis'

Gaza diibarat  
penjara terbuka  
paling besar  
di dunia akibat  
kepungan ketat  
tentera Israel

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan apa yang berlaku di Semenanjung Gaza ketika ini bukan perang Palestin-Israel, tetapi pembunuhan beramai-ramai orang yang tidak berdaya selama enam dekad di dalam penjara terbuka yang paling besar di dunia.

Perdana Menteri berkata, apa yang berlaku terhadap rakyat Palestin adalah perbuatan kejam yang disengajakan, dirancang dan tidak berperikemanusiaan untuk menghapuskan rakyat Palestin.

Gaza disifatkan penjara terbuka yang terbesar di dunia, susulan kepungan ketat dilakukan Israel terhadap setiap penjuru wilayah seluas 365 kilometer persegi itu, termasuk menguasai akses darat, udara dan lautnya. Sejak 1994, Israel membina pagar mengelilingi Gaza sepanjang 60 kilometer.

Bercakap dalam bahasa Inggeris untuk khalayak antarabangsa pada persidangan Dewan Rakyat, semalam, Anwar berkata Malaysia juga mengutuk tindakan pengeboman terhadap orang awam, kediaman dan hospital serta pembunuhan beramai-ramai insan yang tidak berdosa, kanak-kanak, wanita dan lelaki yang dilakukan siang dan malam oleh tentera Israel.

"Biar semua jelas, negara Zionis Israel adalah kuasa penjajah dan oleh itu ia tertakluk di bawah undang-undang antarabangsa, perbuatan jenayah ini jelas melanggar norma undang-undang antarabangsa. Tindakan Israel, pematangan

bekalan makanan, air, bantuan kemanusiaan dan elektrik adalah melanggar undang-undang antarabangsa," katanya ketika Waktu Pertanyaan Perdana Menteri.

Dalam ucapannya, Anwar turut menegur sistem antarabangsa yang lemah sehingga kredibiliti sistem itu kini dipersoal.

Katanya, Malaysia mesti menyuarakan pendapatnya dan menggalakkan orang lain berbuat demikian bagi memelihara sistem itu yang diwujudkan untuk menegakkan keamanan dunia.

Beliau mengajak semua pihak supaya bersatu dengan menunjukkan solidariti kepada golongan yang ditindas.

"Seperti saya nyatakan di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (baru-baru ini), kredibiliti sistem antarabangsa itu sendiri kini dipersoal. Kita mesti menyuarakan pandangan kita dan menggalakkan orang lain turut berbuat demikian untuk mengekalkan sistem yang bertujuan menegakkan keamanan di dunia," katanya.

Beliau juga menolak tanggapan kekejaman dilakukan Israel terhadap rakyat Palestin cuma memberi kesan terhadap umat Islam.

"Perlu diingat ada kira-kira 47,000 penganut agama Kristian kuno yang sudah lama tinggal di bumi anbiya turut menjadi mangsa keganasan rejim Zionis.



Anwar pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

Mereka juga diusir dari bandar raya bersejarah mereka dalam jumlah yang besar disebabkan dasar perluasan dan apartheid Israel.

"Umat Islam dan Kristian Palestin menjadi mangsa kekejaman, penindasan dan pembunuhan beramai-ramai," katanya.

Anwar memulakan ucapannya dengan berkata: Ketika kita (ahli Parlimen) berkumpul di dewan yang mulia ini, malapetaka sedang mencengkam Semenanjung Gaza.

"... kecuali kita semua diperbuat daripada kayu dan berhati batu, adalah amat mustahil untuk kita tidak terkesan, terkejut terhadap pembunuhan yang

amat dahsyat dilakukan di bumi Gaza".

"Kita mengutuk semua bentuk keganasan, termasuk membunuh orang tidak bersalah dan menjadikan wanita serta kanak-kanak sebagai tebusan.

"Pada masa sama, kita juga tegas mengutuk pengeboman tentera Israel terhadap orang awam, kediaman, hospital dan pembunuhan beramai-ramai terhadap nyawa tidak bersalah, kanak-kanak, wanita dan lelaki, tidak kira siang dan malam," katanya.

Anwar berkata, kekejaman dan penindasan yang dilakukan Israel terhadap Palestin mendedahkan kerakusan rejim Zionis yang melangkaui batas kemanusiaan.

Setakat ini, 8,805 rakyat Pa-

lestin terbunuh dengan 3,600 adalah kanak-kanak, manakala lebih 20,000 lagi cedera.

Serangan tanpa henti yang dilancarkan rejim Zionis terhadap Palestin juga membawa kepada kemusnahan kawasan penempatan dengan ratusan ribu rumah dan perniagaan musnah.

"Adalah sesuatu yang bodoh untuk berfikir bahawa Malaysia tidak terjejas dengan apa yang berlaku di dunia. Kami adalah sebuah negara perdagangan yang terbabit secara aktif dalam perdagangan antarabangsa dan menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI).

"Jadi Malaysia juga amat terkesan dengan apa yang berlaku di dunia. Kita sudah memulakan satu langkah yang amat sukar... yang lama diabai.

"Biar saya berterus-terang. Kita akan terus kekal sebuah negara yang merdeka, menyuarakan hak dan pendirian kita dalam isu keadilan dan kebebasan tanpa rasa takut atau pilih kasih," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Anwar mengingatkan rakyat supaya tidak menjadikan isu pendirian dan sokongan umat Islam terhadap perjuangan Palestin untuk memecahbelahkan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Perdana Menteri berkata, isu Palestin sangat dekat di hati umat Islam dan berharap semua pihak yang berlainan agama tidak melihatnya sebagai isu agama semata-mata.

"Malaysia merdeka, menolak penjajah Inggeris dan kita bersama menentang penjajahan Inggeris. Jadi, mengapa kita agak berlembut apabila ada penjajah Israel ke atas Palestin?"

"Saya ingin menggesa rakan kerana ada juga suara yang menganggap kita agak keras dan bertentangan dengan sikap berkecuali Malaysia.

"Kita mendukung prinsip berkecuali tetapi tidak berkecuali dalam soal keadilan, tidak berkecuali apabila ribuan anak dibunuh dan dibom, tidak berkecuali dalam soal keadilan kemanusiaan," katanya.

## Kehadiran negara ke APEC sedang diteliti

**Malaysia** sedang berhubung dengan beberapa negara Asia, termasuk China sebelum memutuskan sama ada hadir atau memboikot mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, Amerika Syarikat (AS), pertengahan bulan ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan maklumat yang diperoleh kelak akan membolehkan Malaysia mengambil keputusan seiring dengan ketetapan negara berkenaan.

"(Kehadiran Malaysia di) APEC kita sedang

teliti. Ini badan ekonomi Asia Pasifik.

"Jadi, kita hubungi dengan negara Asia, China (untuk tahu) tentang kedudukan mereka. Kita akan ambil keputusan selaras dengan pendirian rakan lain dan Asia," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT), di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan dibangkitkan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad (PN-Machang) sama ada Malaysia bercadang untuk memboikot sidang APEC sebagai tanda solidariti terhadap Palestin.